

Ejen Bank Berdaftar (EB) BSN



BERSAMA SEMARAK HARI KEBANGSAAN KE-63

Tahun ini, sambutan Hari Kebangsaan ke-63 bakal disambut dengan sederhana berikutan negara masih dalam pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sehingga 31 Ogos 2020.

Kita boleh sama-sama merencanakan lagi kemeriahan sambutan Hari Kebangsaan melalui media sosial untuk menzahirkan rasa kebanggaan menyambut hari penuh bermakna ini.

Tema tahun ini, “Malaysia Prihatin” membawa pengertian yang cukup mendalam bagi menggambarkan kerjasama seluruh rakyat Malaysia yang berganding bahu memerangi pandemik COVID-19.

Meskipun kita berdepan dengan dugaan yang mencabar ini, kita tetap gagah berdisiplin dan bersemangat tinggi bagi menghadapi cabaran yang sukar ini. Kesungguhan ini melambangkan patriotisme yang mesti dikekalkan.

Kesimpulannya, sambutan Hari Kebangsaan bukan sekadar mengimbuai kembali perjalanan sejarah kemerdekaan negara tetapi ia perlu melihat kepada usaha pengisian kemerdekaan dan rakyat bersatu padu dan mempunyai jati diri dan semangat patriotisme yang tinggi.

Kandungan

Info Am EB BSN | 02 - 03

Tip & Panduan | 04 - 06

Promosi | 07

Program & Aktiviti | 08



Agensi Pembayaran Bil Baharu yang Boleh Dilakukan di EB BSN

Bil	Organisasi	Nama di POS	Jenis Pembayaran	Rujukan 1	Rujukan 2
1	Dresella Marketing	Dresella Marketing	Pinjaman	No. MyKad	No. Telefon
2	Imperia Asia Resources	Imperia Asia	Pinjaman	No. MyKad	No. Telefon

Bilangan EB BSN di Malaysia

Bil	Negeri	Bil. EB
1	Johor	499
2	Kedah	376
3	Kelantan	297
4	Kuala Lumpur	203
5	Melaka	220
6	Negeri Sembilan	206
7	Pahang	310
8	Perak	337
9	Pulau Pinang	210
10	Sabah	294
11	Sarawak	352
12	Selangor	289
13	Terengganu	265
	Jumlah	3,858

10 EB BSN Yang Melakukan Bilangan Transaksi & Amaun Tertinggi sehingga Disember 2019

Bil	Nama EB	Negeri
1	ANZ Berkat Maju Enterprise	Terengganu
2	Basharuddin Enterprise	Pahang
3	Panda Marketing Enterprise	Perak
4	First Mart Trading Sdn. Bhd	Johor
5	Naza Petrol Station & Service	Pahang
6	MJ Wannina Enterprise	Kedah/Perlis
7	Lekir Ukhuwah Enterprise	Perak
8	SSC Digital Photo	Perak
9	Syarikat Aras	Kedah/Perlis
10	Lee Ping Loong	Perak



Pastikan akaun korporat anda mencukupi untuk membuat urusan EB BSN




Perkara yang Patut Dilakukan & Tidak Patut Dilakukan oleh EB BSN

Patut Dilakukan	Tidak Patut Dilakukan
Hanya berurusan di dalam premis EB BSN yang sah	Melakukan transaksi di luar premis EB BSN
Menerima wang tunai yang mencukupi	Melakukan transaksi yang tidak dibenarkan oleh BSN
Transaksi hanya menggunakan kad Debit BSN sahaja	Memaklumkan baki akaun pelanggan kepada orang lain
Memastikan cetakan dilakukan dengan Terminal P.O.S dan bertandatangani	Menyimpan / merekodkan nombor PIN kad Debit BSN pelanggan kepada orang lain. Nombor PIN adalah rahsia pelanggan
Memastikan pelanggan membawa MyKad dan kad Debit BSN untuk setiap transaksi pengeluaran	Melakukan transaksi ketika sistem tidak berfungsi kerana Terminal P.O.S tidak dapat mencetak resit
Bil asal pembayaran bil mesti dikemukakan oleh pelanggan	
Memaklumkan kepada pelanggan untuk hadir ke cawangan BSN dalam tempoh 2 bulan dari tarikh pembukaan akaun untuk kemaskini maklumat pelanggan dan permohonan kad Debit BSN	



“Dilarang menipu dan memanipulasi urusan transaksi EB BSN dalam apa jua cara. BSN sentiasa memantau dan jika didapati wujud unsur tersebut, BSN berhak untuk menamatkan perkhidmatan anda sebagai Ejen Bank BSN”



Kata-Kata & Tip daripada EB BSN




ANZ Berkat Maju Enterprise

- Fokus dan bersungguh-sungguh dalam menyediakan perkhidmatan terbaik untuk pelanggan.
- Faham tentang perkhidmatan yang disediakan oleh BSN.
- Letakkan diri kita di tempat pelanggan, faham apa yang pelanggan perlu dan mahu.
- Anggap diri kita adalah duta BSN, jadi sentiasa menjaga nama baik BSN.
- Pastikan masalah pelanggan diselesaikan.



Basharuddin Enterprise

- Membuat *banner* dan mengedar *flyer* kepada pelanggan serta memaklumkan berkaitan perkhidmatan EB BSN terbaru yang ditawarkan.
- Mengiklan perkhidmatan yang disediakan melalui media sosial seperti Facebook, Whatsapp, dan sebagainya.
- Memberi fahaman, melatih serta memberi tunjuk ajar kepada semua pekerja tentang perkhidmatan yang ditawarkan.
- Memberi perkhidmatan dan layanan yang terbaik kepada pelanggan dan menyelesaikan masalah berkaitan perkhidmatan yang ditawarkan.



Kata-Kata & Tip daripada EB BSN

Panda Marketing Sdn Bhd

- Edaran *flyer* di taman-taman perumahan.
- Menjalankan hubungan baik dengan ketua-ketua kampung persekitaran.
- Sering menghadiri program-program yang dijalankan oleh ketua-ketua kampung di Kampung Baharu Cina.



First Mart Trading Sdn Bhd

- Khidmat mesra pelanggan.
- Selalu membuat promosi di media sosial.
- Sentiasa memberikan perkhidmatan yang cekap dan pantas.





Bersama Putuskan Rantain COVID-19

Putuskan Rantain COVID-19

ELAK 3S / 3C

Jika tidak dapat dielakkan jaga jarak 1 meter

- 1 Sesak**
(crowded places)
Tempat yang sesak
- 2 Sempit**
(Confined spaces)
Tempat sempit dan tertutup
- 3 Sembang dekat**
(close conversation)
Bersembang dekat-dekat

AMALKAN 3W

Wash (cuci)
Kerap cuci tangan dengan air dan sabun

Wear (pakai)
Pakai pelitup muka

Warn (amaran)

- Jangan bersalaman atau bersentuhan
- Amalkan etika batuk dan bersin
- Lakukan disinfeksi
- Duduk rumah
- Dapatkan rawatan jika bergejala

#KitaTeguhKitaMenang

Sumber daripada Kementerian Kesihatan Malaysia

Elakkan kawasan yang sesak (Crowded place), elakkan kawasan yang sempit (Confined space) dan elakkan sembang atau bertutur dengan jarak yang dekat (Close conversation).

Ini adalah tanggungjawab semua pihak untuk pastikan negara bebas daripada COVID-19.




Impian Anda Inspirasi Kami

Impian mengembangkan perniagaan anda adalah pemacu inspirasi kami untuk terus menjadi rakan perniagaan anda

Ketahui lebih lanjut
Tertakuk pada terma dan syarat



Ganjaran untuk kehidupan anda

Simpan & Melabur untuk menikmati **8%** (setahun) dalam SSP SE Kadar Keuntungan istimewa dan anda juga layak untuk memenangi hadiah **BSN SSP** yang menarik!

Tempoh Kempen: 1 Julai - 30 September 2020

Ketahui lebih lanjut
Tertakuk pada terma dan syarat

Nikmati lebih penjimatan dengan Pindahan Baki BSN

Pindahkan baki daripada kad kredit anda yang lain ke Kad Kredit BSN hari ini!

- Dari **0%*** fi / faedah setahun
- 5** pilihan pelan fleksibel
- Tempoh pembayaran sehingga **48** bulan
- TIADA** dokumen sokongan diperlukan



Ketahui lebih lanjut
Gambar hanya sekadar ilustrasi sahaja. Tertakuk pada terma dan syarat



Sudahkah anda bersedia menjadi pemenang RM2 Juta?

Simpanan minimum ***RM3,000** dengan BSN SSP akan melayakkan anda untuk Cabutan Istimewa

*Tempoh simpanan minimum untuk layak menyerta Cabutan Istimewa adalah 90 hari sebelum 31 Disember 2020

Ketahui lebih lanjut
Gambar hanya sekadar ilustrasi sahaja. Tertakuk pada terma dan syarat



Sumbangan Bantuan Kepada EB BSN Keledek Maju Enterprise

Pada 6 Ogos 2020, BSN melalui BSN Care telah menghulurkan sumbangan kepada EB BSN di Pahang iaitu Keledek Maju Enterprise yang telah mengalami kemalangan dimana kedai mereka telah terbakar pada 19 Jun 2020.



“10 gambar paling menarik akan dipilih dan berpeluang mendapat cenderahati istimewa dari BSN!”

Swafoto dengan Bendera Malaysia!

Jom Sertai untuk Merencanakan
Kemeriahan Hari Kebangsaan

Cara Penyertaan:

Ambil swafoto anda yang paling
menarik dengan bendera Malaysia.



Muatnaik gambar swafoto anda di
Facebook / Instagram dengan meletakkan
hashtag **#EBBSNswafotoMerdeka** dan
#BSNMalaysia pada gambar anda.